

23 OCT 1999

Mahathir-AIDS

DR MAHATHIR GESA ADAKAN SIDANG KEMUNCAK MENGENAI AIDS

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa ketua-ketua kerajaan di rantau Asia Pasifik mengadakan sidang kemuncak mengenai AIDS.

Dr Mahathir berkata sidang kemuncak seumpama itu akan memastikan penyelarasan usaha yang lebih baik memandangkan wabak penyakit ini yang tidak mengenal sempadan.

"Ini akan memperlihatkan kepimpinan di rantau ini dan dalam negara kita sendiri dan menggariskan seriusnya penyakit AIDS dan keperluan bagi tindakan segera untuk memeranginya," katanya semasa merasmikan Kongres Antarabangsa Mengenai AIDS di Asia dan Pasifik Kelima (ICAAP) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Kerajaan memainkan peranan penting kerana mereka boleh menetapkan dasar dan memudahkan pelaksanaan dasar itu, katanya sambil menegaskan kemahuan politik akan dapat memastikan belanjawan yang secukupnya boleh dikeluarkan bagi program pencegahan yang berkesan.

Yang turut hadir ialah isteri perdana menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Permaisuri Ashi Sangay Chhoden Wangchuck, Bhutan, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan Presiden Majlis AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir. Lebih 3,000 perwakilan dari 67 negara menghadiri kongres lima hari itu.

Dr Mahathir berkata kemahuan politik juga akan memastikan semua sektor masyarakat boleh memainkan peranan dalam memerangi penyakit HIV/AIDS, termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO), perniagaan, badan agama, sekolah dan jabatan kerajaan.

"Sebuah kerajaan yang cekap merupakan yang memahami bahawa virus itu tidak mengenal sempadan dan oleh itu adalah penting kerajaan-kerajaan saling bekerjasama antara satu sama lain untuk memerangi virus ini," katanya.

Dr Mahathir berkata HIV tersebar di mana sahaja manusia pergi, sama ada ia untuk tujuan berseronok atau bekerja atau atas sebab politik (pelarian) dan sebarang halangan buatan manusia tidak boleh menyekatnya.

Beliau berkata apa yang boleh menyekat HIV ialah kerjasama antara NGO, kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan kesihatan lain untuk menangani isu pergerakan orang ramai merentasi sempadan, penghijrahan pekerja dan memperdagangkan wanita dan kanak-kanak.

"Kerajaan yang saling bekerjasama juga merupakan contoh semangat kejiranan yang baik dan juga contoh kepada falsafah Asean "makmurkan jiran anda". Bukannya bekerjasama yang memperlihatkan sikap "memiskinkan jiran anda," katanya.

Di Malaysia, kata Perdana Menteri kerajaan telah cuba menangani penyakit HIV seawal 15 tahun lepas apabila mangsa pertama HIV disahkan pada 1986.

Kerajaan telah membelanjakan hampir RM43 juta bagi program pengawalan HIV/AIDS setiap tahun sejak 1993, katanya dan menjelaskan bahawa kira-kira RM16 juta digunakan untuk perkhidmatan pemulihan, RM5 juta bagi promosi gaya hidup sihat manakala RM22 juta bagi program aspek pencegahan.

Menyedari bahawa wanita lebih mudah terdedah kepada jangkitan HIV, kerajaan telah mewujudkan dua program di seluruh negara, pengesanan terhadap ibu-ibu mengandung bagi HIV serta Wanita dan AIDS.

"Bagi program ini sahaja, kerajaan telah membelanjakan RM6 juta sejak 1998 dan setakat Mei tahun ini, kira-kira 25,000 ibu-ibu mengandung telah

diimbangi bagi jangkitan HIV, 100 kes didapati HIV positif, dan segera diberikan rawatan percuma dengan kos RM600 bagi setiap kes sebulan," katanya.

Di seluruh dunia, Dr Mahathir berkata kini terdapat 33.4 juta orang yang menghidap HIV/AIDS dan 1.2 juta ialah kanak-kanak di bawah 15 tahun.

Beliau berkata apa yang lebih membimbangkan ialah bahawa lebih 95 peratus orang yang dijangkiti HIV adalah mereka yang tinggal di negara-negara membangun dan 95 peratus kematian akibat AIDS juga berlaku di negara-negara membangun.

Katanya satu daripada sebab bagi peratusan yang tinggi ialah kerana kebanyakan negara-negara membangun tidak mempunyai sumber untuk menjalankan program pencegahan yang berkesan akibat bebanan hutang atau keadaan politik yang tidak stabil.

Dr Mahathir berkata serangan baru-baru ini terhadap ekonomi negara-negara membangun juga telah menyebabkan usaha memerangi AIDS lebih sukar dan menjelaskan bahawa orang ramai tidak mampu menjalani rawatan kerana kos tinggi.

"Tetapi kos tinggi ini tidak sepatutnya berlaku jika negara-negara membangun saling bekerjasama dan mencabar syarikat-syarikat farmasi untuk menurunkan harganya atau meluluskan pelesenan wajib bagi ubat-ubatan penyelamat nyawa," katanya.

Mengenai kongres itu, beliau berkata bahawa ia adalah unik kerana yang pertama dianjurkan oleh sebuah NGO yang bekerja di peringkat akar umbi, juga yang pertama pernah diadakan di negara Islam dan persidangan utama mengenai HIV/AIDS yang terakhir yang diadakan pada abad ini.

-- BERNAMA

AR/NZ RHM RON